Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2022, Volume 7, Issue 5, e001861
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i5.1861

Penghayatan Murid Sejarah Terhadap Kepentingan Elemen Kelestarian Global

(Appreciation of History Students on the Importance of Global Sustainability Element)

M. Kaviza[1*], Nurliyana Bukhari[2]

[1]Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM, Sintok, Kedah, Malaysia.
Email: kavizakaviza@yahoo.com
[2]Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM, Sintok, Kedah, Malaysia.
Email: nurliyana@uum.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
M. Kaviza
(kavizakaviza@yahoo.com)

KATA KUNCI:
Kelestarian Global
Penghayatan
Mata Pelajaran Sejarah
Murid

KEYWORDS:
Global Sustainability
Appreciation
History subjects
Students

CITATION:
Kaviza, M. & Nurliyana Bukhari. (2022). Penghayatan Murid Sejarah Terhadap Kepentingan
Elemen Kelestarian Global. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7*(5), e001861.
https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i5.1861

ABSTRAK

Kajian tinjauan ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penghayatan murid sejarah terhadap kepentingan elemen Kelestarian Global, di samping menentukan sama ada terdapat perbezaan min yang signifikan bagi penghayatan murid sejarah terhadap kepentingan elemen Kelestarian Global berdasarkan jantina dan aliran mata pelajaran. Seramai 226 orang murid yang telah ditentukan berdasarkan teknik pensampelan rawak mudah terlibat dalam kajian ini. Instrumen kajian ini merupakan soal selidik yang telah disahkan oleh pakar penilai dan mempunyai nilai kebolehpercayaan yang baik. Data kajian ini telah dianalisis secara statistik deskriptif dan inferens iaitu ujian-t sampel tak bersandar dan ujian ANOVA Satu Hala dengan menggunakan perisian IBM SPSS. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap penghayatan murid sejarah terhadap kepentingan elemen Kelestarian Global berada pada tahap tinggi. Selain itu, dapatan kajian ini turut melaporkan bahawa terdapat perbezaan min yang signifikan bagi penghayatan murid sejarah terhadap kepentingan elemen Kelestarian Global berdasarkan jantina dan aliran mata pelajaran. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa murid-murid sejarah menghayati dan memahami akan kepentingan elemen Kelestarian Global dalam proses pembelajaran mereka yang telah mencadangkan kepada keperluan kepada guru-guru sejarah untuk meningkat dan memperkukuhkan lagi tahap penghayatan murid-murid sejarah tentang kepentingan elemen Kelestarian Global dalam kehidupan seharian melalui aktiviti pembelajaran dan pemudahcaraan mata pelajaran sejarah.

ABSTRACT

This survey aims to identify the level of history student's appreciation of the importance of Global Sustainability elements, in addition to determining whether there is a

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

significant mean difference for history student's appreciation of the importance of Global Sustainability elements based on gender and subject stream. A total of 226 students who have been determined based on the simple random sampling technique are involved in this study. The research instrument is a questionnaire has been verified by expert assessors and has a good reliability value. This data of this study has been analyzed using descriptive and inferential statistics such as independent sample t-test and one way ANOVA test using IBM SPSS software. The findings of this study show that the level of history student's appreciation of the importance of Global Sustainability elements is at high level. Furthermore, the findings of this study also report that there is a significant mean difference for history student's appreciation of the importance of Global Sustainability elements based on gender and subject stream. The implications of this study showed that the history students are understand about the importance of Global Sustainability elements in their learning process which has suggested to the need for history teachers to increase and strengthen the level of appreciation history students about the importance of Global Sustainability elements in daily life through history learning and facilitation activities.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini memberikan gambaran tentang penghayatan dan pemahaman murid tentang kepentingan konsep kelestarian global dalam kalangan murid.

1. Pengenalan

Selaras dengan perkembangan dunia yang bergerak pantas dalam senario dunia tanpa sempadan, khususnya dalam bidang pendidikan, penerapan elemen Kelestarian Global dalam kalangan murid adalah sangat perlu. Penerapan elemen Kelestarian Global dapat membolehkan murid-murid lebih berupaya untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai seperti yang disarankan dalam kurikulum kebangsaan dan kandungan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025 (Pusat Perkembangan Kurikukum [PPK], 2016) selari dengan matlamat global iaitu deklarasi *Sustainable Development Goals 4: Ensure Inclusive and Equitable Quality Education and Promote Lifelong Learning Opportunities For All* (SDGs: 4) (UNESCO, 2022). Adalah diperincikan bahawa matlamat SDGs: 4 yang utama adalah untuk membina sebuah sistem pendidikan yang dapat membentuk kualiti pendidikan secara insklusif serta menjana peluang pembelajaran sepanjang hayat kepada semua secara global. Justeru, penerapan elemen Kelestarian Global adalah sangat penting dalam sistem pendidikan dan merupakan antara penyumbang utama kepada pembangunan secara lestari dengan memastikan kesejahteraan sejagat dapat dinikmati bersama.

1.1. Latar Belakang Kajian

Elemen Kelestarian Global merupakan salah satu elemen dalam Elemen Merentas Kurikulum (EMK) dalam kurikulum dan merupakan unsur nilai tambah yang perlu

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

diterapkan dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan bagi mengukuhkan kemahiran dan keterampilan model insan yang dihasratkan serta dapat menangani cabaran semasa dan mada hadapan (PPK, 2018). Sehubungan dengan itu, matlamat penerapan elemen kelestarian global adalah untuk melahirkan murid yang berdaya fikir lestari, di samping untuk menyediakan murid bagi menghadapi cabaran semasa di peringkat tempatan, negara dan global (PPK, 2018). Elemen Kelestarian Global bermaksud sebagai satu usaha untuk mengekalkan dan memelihara keaslian dari aspek sosial, ekonomi dan alam sekitar yang perlu diwarisi pada masa hadapan, di samping untuk menambahbaikkan keadaan sedia ada (PPK, 2016; 2018). Sehubungan dengan itu, objektif penerapan Kelestarian Global dalam mata pelajaran membolehkan murid-murid dapat:

i. Memahami konsep dan perspektif Kelestarian Global
ii. Memperoleh pengetahuan, kemahiran dan nilai berkaitan Kelestarian Global
iii. Mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai berkaitan Kelestarian Global
iv. Meningkatkan keupayaan menyelesaikan masalah dan membuat keputusan secara bijaksana melalui pengalaman pembelajaran berkaitan Kelestarian Global
v. Meningkatkan kesedaran dan penghayatan tentang kepentingan Kelestarian Global dalam kehidupan
vi. Menghayati dan menghargai nilai-nilai murni sejagat

Tambahan pula, elemen Kelestarian Global dalam mata pelajaran perlu menekankan tiga elemen utama iaitu:

i. Penggunaan dan Pengeluaran Lestari merujuk kepada penggunaan dan pengeluaran secara efisien dengan amalan teknologi hijau bagi memastikan pembangunan dan aplikasi produk, peralatan serta sistem dapat memelihara alam sekitar dan sumber semula jadi yang ada
ii. Kewarganegaraan global merujuk kepada perasaan kekitaan kepada masyarakat dan kemanusiaan yang menekankan kepada aspek sosial, budaya, ekonomi dan politik yang berteraskan domain pembelajaran kognitif, sosioekonomi dan tingkah laku.
iii. Perpaduan merujuk kepada penerapan tiga konstruk iaitu menerima, menghormati dan mengurus kepelbagaian berkaitan agama, bangsa, budaya dan bahasa

Justeru, penyepaduan elemen Kelestarian Global dalam mata pelajaran adalah perlu sama ada melalui proses pengajaran secara langsung mahupun melalui proses pengajaran secara sisipan agar murid-murid dapat menguasai pengetahuan, kemahiran dan nilai bersama-sama dengan elemen-elemen dalam Kelestarian Global dengan baik.

1.2. Pernyataan Masalah

Adalah diakui bahawa elemen Kelestarian Global adalah sangat penting dalam menyumbang kepada pembangunan secara lestari serta memastikan kesejahteraan sejagat dapat dinikmati bersama (PPK, 2016). Sungguhpun begitu, kurikulum mata pelajaran sejarah adalah tidak ketinggalan dalam menyahut cabaran semasa tersebut dengan melahirkan murid-murid sejarah yang mempunyai daya fikir lestari dan sikap responsif terhadap persekitaran dan kehidupan harian. Namun, sejauh manakah penghayatannya dalam kalangan murid-murid sejarah terhadap kepentingan elemen Kelestarian Global masih belum diketahui lagi. Perkara ini telah mencadangkan terdapat

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

satu keperluan kepada pengkaji kajian ini untuk meneroka dan mengetahui tahap penghayatan murid-murid sejarah terhadap kepentingan elemen Kelestarian Global seiring dengan saranan objektif dan fokus utama kurikulum mata pelajaran sejarah itu sendiri yang bertujuan untuk melahirkan murid-murid yang mampu menyumbang kepada pencapaian dan kemajuan negara melalui pembentukan masyarakat yang berdaya saing pada masa hadapan (PPK, 2018). Maka, tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap penghayatan murid sejarah terhadap kepentingan elemen Kelestarian Global.

1.3. Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap penghayatan murid sejarah terhadap kepentingan elemen Kelestarian Global. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti tahap penghayatan murid sejarah terhadap kepentingan elemen Kelestarian Global berdasarkan jantina dan aliran mata pelajaran, di samping untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan min yang signifikan bagi penghayatan murid sejarah terhadap kepentingan elemen Kelestarian Global berdasarkan jantina dan aliran mata pelajaran.

1.4. Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah:

i. Mengenal pasti tahap penghayatan murid sejarah terhadap kepentingan elemen Kelestarian Global.
ii. Mengenal pasti tahap penghayatan murid sejarah terhadap kepentingan elemen Kelestarian Global berdasarkan jantina
iii. Mengenal pasti tahap penghayatan murid sejarah terhadap kepentingan elemen Kelestarian Global berdasarkan aliran mata pelajaran
iv. Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan min yang signifikan bagi penghayatan murid sejarah terhadap kepentingan elemen Kelestarian Global berdasarkan jantina
v. Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan min yang signifikan bagi penghayatan murid sejarah terhadap kepentingan elemen Kelestarian Global berdasarkan aliran mata pelajaran

1.5. Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini ialah:

i. Apakah tahap penghayatan murid sejarah terhadap kepentingan elemen Kelestarian Global?
ii. Apakah tahap penghayatan murid sejarah terhadap kepentingan elemen Kelestarian Global berdasarkan jantina?
iii. Apakah tahap penghayatan murid sejarah terhadap kepentingan elemen Kelestarian Global berdasarkan aliran mata pelajaran?
iv. Adakah terdapat perbezaan min yang signifikan bagi penghayatan murid sejarah terhadap kepentingan elemen Kelestarian Global berdasarkan jantina?
v. Adakah terdapat perbezaan min yang signifikan bagi penghayatan murid sejarah terhadap kepentingan elemen Kelestarian Global berdasarkan aliran mata pelajaran?

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

1.6. Hipotesis Kajian

Bagi menjawab soalan keempat dan kelima, maka dua hipotesis nul kajian berikut telah dibentuk untuk diuji kesignifikannya pada aras nilai p=0.05 iaitu:

H_{o1}: Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan bagi penghayatan murid sejarah terhadap kepentingan elemen Kelestarian Global berdasarkan jantina.

H_{o2}: Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan bagi penghayatan murid sejarah terhadap kepentingan elemen Kelestarian Global berdasarkan aliran mata pelajaran.

2. Metod Kajian

Reka bentuk kajian ini ialah kajian berbentuk tinjauan yang melibatkan seramai 226 orang murid yang telah ditentukan berdasarkan teknik pensampelan rawak mudah. Instrumen kajian ini merupakan soal selidik yang telah disahkan kesahannya dan mempunyai nilai kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* yang baik iaitu 0.90 dan diterima bagi tujuan kajian ini (Nunnally & Bernstein, 1994). Data statistik deskriptif dan inferens iaitu ujian-*t* sampel tak bersandar dan ujian *ANOVA* satu hala dalam kajian ini telah dianalisis dengan menggunakan perisian pengaturcaraan *IBM SPSS Statistics*. Interpretasi tahap min dalam kajian ini adalah berdasarkan kajian Jamil (2002) seperti yang ditunjukkan pada Jadual 1.

Jadual 1: Interpretasi Tahap Min

Min	Tahap
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

Sumber: Adaptasi daripada Jamil (2002)

3. Dapatan Kajian

3.1. Tahap Penghayatan Murid Sejarah Terhadap Kepentingan Elemen Kelestarian Global

Berdasarkan Jadual 2, tahap penghayatan murid sejarah terhadap kepentingan elemen Kelestarian Global (M=3.72, SD=0.57) adalah berada pada tahap tinggi. Justeru, dapat disimpulkan bahawa tahap penghayatan terhadap kepentingan elemen Kelestarian Global dalam kalangan murid sejarah berada pada tahap tinggi secara keseluruhannya dalam kajian ini.

Jadual 2: Min dan Tahap Penghayatan Terhadap Kepentingan Elemen Kelestarian Global

Konstruk	Min (M)	Sisihan Piawai (SD)	Tahap
Penghayatan	3.72	0.57	Tinggi

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

3.2. Tahap Penghayatan Murid Sejarah Terhadap Kepentingan Elemen Kelestarian Global Berdasarkan Jantina

Berdasarkan Jadual 3, tahap penghayatan murid sejarah terhadap kepentingan elemen Kelestarian Global bagi murid lelaki berada pada tahap tinggi (*M*=3.82, *SD*=0.48). Walau bagaimanapun, tahap penghayatan terhadap kepentingan elemen Kelestarian Global bagi murid perempuan pula berada pada tahap sederhana (*M*=3.63, *SD*=0.63) dalam kajian ini. Justeru, dapat dirumuskan bahawa tahap penghayatan murid sejarah terhadap kepentingan elemen Kelestarian Global berada pada tahap tinggi dalam kalangan murid lelaki dan berada pada tahap sederhana dalam kalangan murid perempuan dalam kajian ini.

Jadual 3: Min dan Tahap Penghayatan Murid Terhadap Kepentingan Elemen Kelestarian Global Berdasarkan Jantina

Jantina	**Penghayatan Murid Terhadap Kepentingan Elemen Kelestarian Global**		
	Min (*M*)	**Sisihan Piawai (*SD*)**	**Tahap**
Lelaki (*N*=101)	3.82	0.48	Tinggi
Perempuan (*N*=125)	3.63	0.63	Sederhana

3.3. Tahap Penghayatan Murid Sejarah Terhadap Kepentingan Elemen Kelestarian Global Berdasarkan Aliran Mata Pelajaran

Berdasarkan Jadual 4, tahap penghayatan murid sejarah terhadap kepentingan elemen Kelestarian Global bagi murid aliran sains (*M*=3.90, *SD*=0.30). dan aliran STEM (*M*=3.89, *SD*=0.30) berada pada tahap tinggi. Walau bagaimanapun, tahap penghayatan terhadap kepentingan elemen Kelestarian Global bagi murid aliran teknik (*M*=3.57, *SD*=0.69), murid aliran sastera (*M*=3.59, *SD*=0.69) dan murid aliran kemahiran (*M*=3.59, *SD*=0.68) pula berada pada tahap sederhana dalam kajian ini. Justeru, dapat dirumuskan bahawa tahap penghayatan murid sejarah terhadap kepentingan elemen Kelestarian Global berada pada tahap tinggi dalam kalangan murid aliran sains dan murid aliran STEM dan berada pada tahap sederhana dalam kalangan murid aliran teknik, aliran sastera dan aliran kemahiran dalam kajian ini.

Jadual 4: Min dan Tahap Penghayatan Murid Terhadap Kepentingan Elemen Kelestarian Global Berdasarkan Aliran Mata Pelajaran

Aliran Mata Pelajaran	**Penghayatan Murid Terhadap Kepentingan Elemen Kelestarian Global**		
	Min (*M*)	**Sisihan Piawai (*SD*)**	**Tahap**
Sains (*N*= 42)	3.90	0.30	Tinggi
STEM (*N*= 54)	3.89	0.30	Tinggi
Teknik (*N*= 47)	3.57	0.69	Sederhana
Sastera (*N*=44)	3.59	0.69	Sederhana
Kemahiran (*N*=39)	3.59	0.68	Sederhana

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

3.4. Perbezaan Min Bagi Penghayatan Terhadap Kepentingan Kelestarian Global Berdasarkan Jantina

Berdasarkan keputusan ujian *Levene's* yang tidak signifikan (F=3.96, p=0.48), keputusan ujian-t sampel tak bersandar dalam Jadual 5 telah melaporkan bahawa terdapat perbezaan min yang signifikan bagi penghayatan murid sejarah terhadap kepentingan elemen Kelestarian Global [t(224)=2.58, p=0.01] berdasarkan jantina. Justeru, H_{o1a} telah ditolak. Maka, dapat disimpulkan bahawa terdapat perbezaan min yang signifikan bagi penghayatan murid terhadap kepentingan elemen Kelestarian Global berdasarkan jantina dalam kajian ini. Justeru, penghayatan murid sejarah terhadap kepentingan elemen Kelestarian Global adalah berbeza antara murid lelaki dan murid perempuan dalam kajian ini.

Jadual 5: Ujian-T Sampel Tak Bersandar bagi Penghayatan Terhadap Kelestarian Global Berdasarkan Jantina

	Ujian-t bagi persamaan min								
	Ujian *Levene's*		***t***	***df***	***p***	**Perbezaan min**	**Min ralat Piawai**	**99% selang keyakinan bagi perbezaan**	
	F	***p***						**Bawah**	**Atas**
Perbezaan Min	3.96	0.48	2.58	224	0.01	0.20	0.08	0.05	0.35

*Pada aras signifikan 0.05

3.5. Perbezaan Min Bagi Penghayatan Terhadap Kepentingan Kelestarian Global Berdasarkan Aliran Mata Pelajaran

Berdasarkan keputusan ujian *Levene's* yang tidak signifikan ($F(4, 221)$=7.39, p=0.60), keputusan ANOVA satu hala dalam Jadual 6 telah melaporkan bahawa terdapat perbezaan min yang signifikan bagi penghayatan murid sejarah terhadap kepentingan elemen Kelestarian Global [F(4, 221)=4.27, p=0.01] berdasarkan aliran mata pelajaran. Justeru, H_{o1b} telah ditolak. Maka, dapat disimpulkan bahawa terdapat perbezaan min yang signifikan bagi penghayatan murid terhadap kepentingan elemen Kelestarian Global berdasarkan aliran mata pelajaran dalam kajian ini. Justeru, penghayatan murid sejarah terhadap kepentingan elemen Kelestarian Global adalah berbeza antara murid aliran sains, murid aliran STEM, murid aliran teknik, murid aliran sastera dan murid aliran kemahiran dalam kajian ini.

Jadual 6: Keputusan Ujian Kesan Variabel Antara Subjek bagi Penghayatan Terhadap Kelestarian Global Berdasarkan Aliran Mata Pelajaran

	Jumlah kuasa Dua	***df***	**Min Kuasa Dua**	***F***	***p***
Antara Kumpulan	5.32	4	1.33	4.27	0.01
Dalam Kumpulan	68.93	221	0.31		
Jumlah	74.26	225			

Pada aras kesignifikan (p=0.05)

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

4. Perbincangan Kajian

Tahap penghayatan murid sejarah terhadap kepentingan elemen Kelestarian Global yang berada pada tahap tinggi dalam kajian ini adalah bertentangan dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Er et al. (2017) yang telah melaporkan bahawa tahap pengetahuan, kesedaran dan amalan murid dan kakitangan kampus Universiti Kebangsaan Malaysia terhadap isu-isu kelestarian berada pada tahap rendah dan dapatan kajian Malik et al. (2019) yang telah melaporkan bahawa sebanyak 71 peratus murid-murid masih lagi tidak sedar dengan konsep kelestarian. Sungguhpun begitu, tahap penghayatan yang tinggi terhadap kepentingan elemen Kelestarian Global dalam kalangan murid sejarah dalam kajian ini adalah sealiran dengan dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Hanifah, Mohamed Suhailiy dan Nurul Izza (2015) yang telah melaporkan bahawa tahap pengetahuan dan sikap terhadap amalan kelestarian dalam kalangan murid prasekolah di daerah Hulu Langat, Selangor berada pada tahap tinggi dan dapatan kajian Aini, Sabrina, Ahmad dan Amer (2021) yang telah melaporkan bahawa tahap pengetahuan kelestarian kemahiran dan strategi berada pada tahap tinggi dalam kalangan guru-guru pelatih Institut Pendidikan Guru. Tahap penghayatan yang tinggi terhadap kepentingan elemen Kelestarian Global dalam kajian ini adalah relevan kerana kebanyakan murid-murid mula memahami akan kepentingan elemen kelestarian dalam kehidupan mereka.

Tambahan pula, tahap penghayatan murid sejarah terhadap kepentingan elemen Kelestarian Global yang berada pada tahap tinggi bagi murid lelaki berbanding dengan murid perempuan yang berada pada tahap sederhana dalam kajian ini adalah bertentangan dengan dapatan kajian Muhammed, Vun dan Carolyn (2019) yang telah memaparkan dapatan bahawa tahap elemen pembangunan mampan pada celik Alam sekitar adalah tinggi bagi murid perempuan berbanding dengan murid lelaki. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini yang telah menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan bagi min penghayatan murid sejarah terhadap kepentingan elemen Kelestarian Global adalah sealiran dengan dapatan kajian Yuan, Yu dan Wu (2021) yang telah memaparkan maklumat kajian bahawa terdapat perbezaan yang signifikan bagi pengetahuan kelestarian antara murid *senior* lelaki dan murid *senior* perempuan secara tidak langsung telah menyokong dapatan kajian ini.

Selain itu, tahap penghayatan murid sejarah terhadap kepentingan elemen Kelestarian Global yang berada pada tahap tinggi bagi murid aliran sains dan STEM berbanding dengan murid aliran teknik, sastera dan kemahiran yang berada pada tahap sederhana, di samping terdapat perbezaan yang signifikan min penghayatan murid sejarah terhadap kepentingan elemen Kelestarian Global berdasarkan aliran mata pelajaran adalah bertepatan bahawa cara belajar, menghayati, memahami dan sebagainya adalah berbeza di mana murid aliran sains dan STEM lebih cenderung untuk mengetahui dan menghayati secara kaedah eksperimen ataupun uji kaji dengan membuktikan andaian tertentu, manakala murid-murid aliran sastera lebih cenderung ke arah penghayatan secara perbincangan dan penjanaan idea dan berbeza dengan murid aliran kemahiran yang cenderung kepada hasil kerja (Salovey & Mayer, 1990; Kaviza, 2019).Justeru dapat disimpulkan bahawa tahap penghayatan murid sejarah terhadap kepentingan elemen Kelestarian Global berada pada tahap tinggi secara keseluruhannya dalam kajian ini.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

5. Kesimpulan

Kesimpulannya, tahap penghayatan murid sejarah terhadap kepentingan elemen Kelestarian Global adalah berada pada tahap tinggi dalam kajian ini. Sehubungan dengan itu, penerapan dan penyepaduannya dalam kalangan murid sejarah perlu dipertingkatkan dan diperkukuhkan lagi agar dapat membentuk sebuah warganegara yang mempunyai daya fikir lestari, nilai-nilai terpuji dan sikap positif dalam melestarikan kehidupan seharian, disamping dapat mensejahterakan keluarga, masyarakat, negara dan dunia demi warisan bangsa masa kini dan masa hadapan.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Penulis merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menyumbangkan kepakaran dalam sorotan literatur ini

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarangan atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

Aini Arifah Abdul karim, Sabrina Abdullah, Ahmad Fauzi Mohd Ayuh & Amer Hamzah Sharani. (2021). Critical Success Factors of Knowledge on Sustainability in Malaysia Higher Education. *Turkish Journal of Computer and Mathematics Education, 12*(5), 74-83.

Er, A. C. et al. (2017). Inisiatif kelestarian Kampus: tahap Pengetahuan, Kesedaran dan Amalan Lestari di Kalangan Kakitangan dan Pelajar di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Journal of Global Business and Enterpreneurship, 3*(6), 65-73.

Hanifah Mahat, Mohamed Suhaily Yusri Ngah & Nurul Izza Ahmed (2015). Kajian Tahap Amalan Kelestarian dalam Kalangan Murid Prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia Daerah Hulu Langat, Selangor. *Geografia, 3*(1), 25-36.

Jamil Ahmad. (2002). *Pemupukan Budaya Penyelidikan di Kalangan Guru di Sekolah: Satu Penilaian*. Tesis Ijazah Kedoktoran, Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kaviza, M. (2019). Kecenderungan Gaya Pembelajaran Murid Dalam Mata Pelajaran Sejarah: Satu Kajian Awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 4*(1), 82 - 90.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Malik, M.N; Khan, H.H, Chafreh, A.G, Goni, F.A; Klemes, J.J & Alotaibi, Y. (2019). Investigating student's sustainability awareness & the curriculum of technology education in Pakistan. *Sustainability, 11*, 1-18.

Muhammed bin Omar, Vun Liang Wan & Carolyn Melissa Payus. (2019). Tahap Celik Alam Sekitar dalam kalangan Pelajar Tingkatan 5 di sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities, 4*(1), 41-49**.**

Nunnally, J.C., & Bernstein, I.H. (1994). *Psychometric theory* (3rd ed.). New York: McGraw Hill.

Noriati A. Rashid, Boon, P.Y., & Sharifah Fakhriah Syed Ahmad. (2009). *Murid dan Alam Belajar*. Selangor: Oxford Fajar.

Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK). (2018). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat dan Lima*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia

Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK). (2016). *Panduan Pelaksanaan Kelestarian Global*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Salovey, P., & Mayer, J.D. (2002). Emotional Intelligence. *Imagination, Cognition & Personality, 9*, 185-211.

UNESCO. (2022). UNESCO moving forward the 2030 Agenda for Sustainable Development. Retrieved from: https://en.unesco.org/

Yuan, X; Yu, L & Wu, H. (2021). Awareness of Sustainable Development Goals among Students from a Chinese Senior High School. *Education Sciences*, 1-25.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).